



Langgan pakej UPSR/PT3/SPM untuk setahun sekarang!

Portal Pendidikan dan Aplikasi Mudah Alih Interaktif



## Kongsi data antara agensi kerajaan



UNIT Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, memperkenalkan Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan (MyGDX) bagi memudahkan pertukaran data dan maklumat antara agensi kerajaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Mazlan Yusoff berkata, sistem pangkalan data itu menyediakan maklumat yang sering dirujuk oleh agensi membabitkan perkhidmatan kepada pelanggan.

Menurutnya, jika dahulu, setiap agensi perlu berhadapan dengan pelbagai proses permohonan termasuk surat-menyurat apabila mahu mendapatkan maklumat tertentu.

"Sebagai contoh, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ingin memperoleh maklumat graduan universiti awam, mereka perlu membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Bagaimanapun, agensi kerajaan kini tidak perlu lagi berbuat demikian kerana mereka boleh melayari MyGDX yang mengumpulkan semua maklumat berkaitan di bawah satu platform," katanya ketika berucap pada Majlis Pra Pelancaran MyGdx di Putrajaya, hari ini.

Pada masa sama, beliau berkata, kemudahan itu juga dapat mengurangkan pertindihan pembangunan infrastruktur sekaligus menjadikan perkhidmatan dalam talian lebih efektif.

"Budaya kerja secara silo tidak lagi relevan di era digital ketika ini kerana agensi kerajaan perlu bergerak sebagai satu pasukan dengan mengoptimalkan sumber untuk melakukan perubahan berimpak besar.

"Perkongsian data dan maklumat antara agensi adalah penting dalam memastikan perjalanan penyampaian kerajaan dapat dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat," katanya.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, ketika ini, 10 agensi kerajaan terlibat dalam MyGDX seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); SPA; Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); Kementerian Pendidikan; KPT; dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

"Inisiatif MyGDX ini akan menjadi semakin efektif apabila agensi berkaitan bersedia untuk saling berkongsi maklumat dan data," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 15 January 2018 @ 11:38 PM

- **Firasat bapa jadi nyata**
- **Operasi buru 'hantu lalok'**
- **PRU-14: Lebih 6,400 pegawai, anggota polis dikerah**
- **Tambah helikopter bantu pelajar**
- **Triton Athlete lebih sporty**
- **APMM gagalkan cubaan seludup 300 ekor Branjanggan**

■ Lagi Berita

### Trending

- **Sajat lega**
- **Selesa lepas penat atas pokok**
- **Dijemput Izrail dekat plaza tol**
- **Bahana cinta terhalang**
- **Ikan buntal cetus sistem amaran bencana**
- **Syukur selamat keluar daripada Pulau Tioman**